

# PENILAIAN KENDIRI PELAJAR TERHADAP KEMAHIRAN GENERIK MELALUI PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM BADAN BERUNIFORM

Faezah Noor Musitar<sup>1</sup>, Halijah Ibrahim<sup>2</sup>, Asha Hasnimy Mohd Hashim<sup>3</sup> dan Zainal Abidin Zainuddin<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

[faezahnoor\\_musitar@yahoo.com](mailto:faezahnoor_musitar@yahoo.com)

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

[p-halija@utm.my](mailto:p-halija@utm.my)

<sup>3</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

[asha@utm.my](mailto:asha@utm.my)

<sup>4</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

[p-zainal@utm.my](mailto:p-zainal@utm.my)

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penguasaan kemahiran generik melalui penilaian kendiri terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum badan beruniform. Dalam kajian ini, hanya lima konstruk kemahiran generik dijadikan sebagai fokus kajian iaitu kemahiran kepimpinan, kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran membuat keputusan dan kemahiran penyelesaian masalah. Seramai 150 orang pelajar dari sebuah sekolah terpilih yang menjalankan aktiviti kokurikulum melibatkan 10 jenis badan beruniform telah dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan diedarkan kepada responden. Soal selidik mengandungi 25 item berbentuk penilaian kendiri dengan nilai kebolehpercayaan bagi item ini adalah  $\alpha = .90$ . Penganalisaan data dibuat dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* Version 20.0 dan hasilnya diterjemahkan dalam bentuk mod, median dan peratusan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penilaian kendiri pelajar terhadap penguasaan kesemua konstruk kemahiran generik dapat dipertingkatkan melalui penyertaan aktiviti kokurikulum. Walaubagaimanapun, terdapat 2 kemahiran generik yang menunjukkan peningkatan yang ketara melalui dapatan nilai mod yang diperolehi. Peningkatan tersebut dilihat bagi item kemahiran kepimpinan dan kemahiran komunikasi. Secara keseluruhannya, pelajar menilai diri mereka secara positif melalui perubahan tahap penilaian kendiri setelah menyertai aktiviti kokurikulum.

Kata kunci: badan beruniform, kemahiran generik, kokurikulum, penilaian kendiri

## 1. PENGENALAN

Kemahiran generik atau insaniah (*soft skills*) diperkenalkan bertujuan untuk mengembangkan bakat yang ada di dalam diri setiap pelajar supaya lahir sebagai insan yang seimbang selari dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Siti Azwanee Abdullah, 2010). Menurut Bath, Smith, Stein & Swann (2004) kemahiran generik merangkumi pelbagai karakter yang meluas seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah, kemahiran interpersonal, keupayaan berfikir, komunikasi dan pengurusan maklumat, kreativiti, kesedaran dan amalan etika serta integriti dan toleransi. Pembentukan kemahiran ini tidak hanya khusus kepada sesuatu industri tetapi penting untuk pekerjaan, pendidikan dan kehidupan secara umum (NCVER's, 2003).

Penyertaan di dalam aktiviti dan program kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah memberi peluang pelajar mencungkil dan mengasah bakat serta apa jua kemahiran. Ia selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Ahmad, Jailani dan Noraini (2004) yang menyatakan bahawa kokurikulum mempunyai pertalian yang rapat dengan pembentukan kemahiran generik di kalangan pelajar.

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

Mohd Ismail (2004) menyatakan bahawa menerusi kurikulum, pelajar diajar menjadi pemimpin, mematuhi peraturan dan etika, berkomunikasi, membuat keputusan, menyelesaikan masalah, bekerja dalam kumpulan disamping menyemai nilai-nilai yang positif seperti berdisiplin. Hal ini bertepatan dengan hasrat kerajaan iaitu memaksimumkan penyertaan pelajar dalam kurikulum dan menjadikan aktiviti ini salah satu penyumbang dalam pembangunan modal insan kelas pertama selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Pelan Induk Pendidikan 2006-2010, KPM, 2006).

Walaubagaimanapun, di sesetengah sekolah aktiviti kurikulum tidak mendapat sambutan yang mengalakkan di kalangan para pelajar. Kadangkala mereka merasakan aktiviti kurikulum tidak penting dan ianya tidak dinilai seperti pencapaian akademik mereka. Ditambah pula dengan sikap ibu bapa yang terlalu memberi penekanan kepada aspek pencapaian akademik dan menganggap kegiatan kurikulum tidak memberi sumbangan kepada pencapaian anak-anak mereka (Mustafa Kamal Ali, 2000). Fenomena seperti ini mengakibatkan peluang pelajar untuk membentuk dan mengasah kemahiran generik dalam diri mereka akan terbatas.

Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui penilaian pelajar keatas dirinya terhadap kemahiran generik ketika melibatkan diri dalam aktiviti kurikulum badan beruniform.

## **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penilaian kendiri pelajar terhadap kemahiran kepimpinan, kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran membuat keputusan dan kemahiran menyelesaikan masalah ketika melibatkan diri dalam aktiviti kurikulum badan beruniform.

## **2. KAEADAH**

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar lelaki di sebuah sekolah Menengah di Daerah Johor Bahru. Kajian yang dijalankan adalah kajian jenis deskriptif. Sampel bagi kajian ini adalah seramai 150 pelajar yang dipilih daripada 10 badan beruniform yang terlibat dalam menyertai aktiviti kurikulum.

Dalam kajian ini, alat instrumen pengukuran yang digunakan adalah borang soal selidik. Set borang soal selidik ini mengandungi bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi item berkenaan dengan latar belakang responden manakala bahagian B pula mengandungi 25 item yang menyentuh tentang penilaian kendiri terhadap kemahiran generik pelajar melalui aktiviti kurikulum badan beruniform.

Secara keseluruhannya, nilai kebolehpercayaan bagi item dalam soal selidik ini berada pada tahap yang tinggi dengan nilai Alpha Cronbach keseluruhan untuk kajian ini adalah 0.900. Menurut Mohd Majid (2000), kajian yang melebihi nilai alpha 0.6 adalah mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

### 3. DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 adalah maklumat berkaitan dengan responden yang terlibat di dalam kajian ini. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 150 orang dengan purata umur  $14.75 \pm 2.3$  tahun.

Jadual 1: Maklumat umum responden

TABURAN	KATEGORI	KEKERAPAN	PERATUS(%)
Bangsa	Melayu	92	61
	Cina	30	20
	India	28	19
Umur	13 Tahun	66	44
	14 Tahun	12	8
	15 Tahun	9	6
	16 Tahun	20	13
	17 Tahun	43	29
Jawatan Badan Beruniform	Pengerusi	9	6
	Penolong Pengerusi	5	3
	Setiausaha	8	5
	Penolong Setiausaha	4	3
	Bendahari	12	8
	Ahli Biasa	112	75
Peranan Badan Beruniform	Ketua Platur	8	5
	Platur	122	81
	Lain-lain	20	13
Tempoh Penglibatan	Tingkatan 1	104	69
	Tingkatan 2	4	3
	Tingkatan 3	27	18
	Tingkatan 4	15	10

Dapatan kajian menunjukkan pelajar yang berbangsa Melayu merupakan bangsa yang paling ramai iaitu 92 orang atau (61%) dari keseluruhan responden. Majoriti responden kajian ini berumur 13 Tahun dengan kekerapan sebanyak 66 orang atau (44%). Jawatan dalam badan beruniform iaitu Ahli Biasa adalah paling ramai dengan peratusan sebanyak (75%) iaitu seramai 112 orang responden. Seramai 122 orang responden berperanan sebagai Platur dengan peratusan sebanyak (81%). Seterusnya, bagi tempoh penglibatan responden pula seramai 104 orang responden melibatkan diri dalam badan beruniform dari Tingkatan 1 dengan peratusan yang tinggi iaitu sebanyak (69%).

#### 3.2 Analisis Data Bahagian B

Analisis dapatan keseluruhan bagi kesemua persoalan di dalam kajian ini mendapati bahawa nilai mod dan median bagi penilaian kendiri pelajar terhadap kemahiran generik adalah meningkat daripada sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum badan beruniform. Dapatan ini merujuk kepada majoriti responden yang bersetuju dengan pernyataan dalam soal selidik bagi selepas menyertai aktiviti kokurikulum berbanding kurang bersetuju bagi sebelumnya.

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa item dalam kemahiran kepimpinan dan kemahiran komunikasi dilihat mengalami perubahan nilai mod yang ketara. Perubahan ini merujuk kepada majoriti responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan dalam soal selidik bagi sebelum menyertai aktiviti kokurikulum akan tetapi reaksi responden berubah ketara dengan memilih untuk bersetuju bagi pernyataan selepas menyertai aktiviti kokurikulum (rujuk jadual silang).

Jadual 2: Nilai mod dan median bagi penilaian kendiri pelajar terhadap kemahiran generik.

Objektif Kajian		Median	Mod
Penilaian kendiri terhadap kemahiran kepimpinan pelajar sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum badan beruniform.	Sebelum	3 (Kurang Setuju)	3 (Kurang Setuju)
	Selepas	4 (Setuju)	4 (Setuju)
Penilaian kendiri terhadap kemahiran komunikasi pelajar sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum badan beruniform.	Sebelum	3 (Kurang Setuju)	3 (Kurang Setuju)
	Selepas	4 (Setuju)	4 (Setuju)
Penilaian kendiri terhadap kemahiran bekerja dalam kumpulan pelajar sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum badan beruniform.	Sebelum	3 (Kurang Setuju)	3 (Kurang Setuju)
	Selepas	4 (Setuju)	4 (Setuju)
Penilaian kendiri terhadap kemahiran membuat keputusan pelajar sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum badan beruniform.	Sebelum	3 (Kurang Setuju)	3 (Kurang Setuju)
	Selepas	4 (Setuju)	4 (Setuju)
Penilaian kendiri terhadap kemahiran penyelesaian masalah pelajar sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum badan beruniform.	Sebelum	3 (Kurang Setuju)	3 (Kurang Setuju)
	Selepas	4 (Setuju)	4 (Setuju)

Jadual 3: Jadual Silang Komponen Kemahiran Kepimpinan Sebelum dan Selepas (Item 6) Mengikut Mod

Kemahiran Kepimpinan (Sebelum)	Kemahiran kepimpinan (Selepas)			Jumlah
	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	
Sangat Tidak Setuju	2	3	2	7
Tidak setuju	15	21	14	50
Kurang setuju	7	33	7	47
Setuju	0	23	16	39
Sangat setuju	0	2	5	7
<b>Jumlah</b>	<b>24</b>	<b>82</b>	<b>44</b>	<b>150</b>

(Item 6: Menyesuaikan diri mengikut keadaan)

Jadual 3 di atas merupakan jadual silang yang melihat perbezaan nilai mod yang ketara berbanding item lain dalam kemahiran kepimpinan sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum. Perbezaan dilihat ketara kerana nilai mod iaitu 2 menunjukkan responden seramai 50 orang daripada 150 orang responden memilih tidak bersetuju bagi item 6 kemahiran kepimpinan sebelum menyertai aktiviti kokurikulum. Manakala nilai mod iaitu 4 bagi kemahiran kepimpinan selepas menyertai aktiviti kokurikulum pula menunjukkan seramai 82 responden bersetuju bagi item 6 tersebut.

Jadual 4 merupakan jadual silang yang melihat perbezaan nilai mod yang ketara bagi kemahiran komunikasi sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum. Skala persetujuan bagi item 7 dengan nilai mod iaitu 2 menunjukkan kekerapan responden seramai 59 orang telah memilih tidak bersetuju bagi kemahiran komunikasi sebelum menyertai aktiviti kokurikulum. Sementara terdapat perubahan nilai mod yang ketara iaitu 4 dimana seramai 84 orang responden daripada keseluruhan responden memilih skala bersetuju terhadap item 7 kemahiran komunikasi selepas menyertai aktiviti kokurikulum.

Jadual 4: Jadual Silang Komponen Kemahiran Komunikasi Sebelum dan Selepas (Item 7) Mengikut Mod

Kemahiran Komunikasi (Sebelum)	Kemahiran Komunikasi (Selepas)				Jumlah
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	
Sangat Tidak Setuju	0	1	3	3	7
Tidak Setuju	2	7	35	15	59
Kurang Setuju	0	9	26	16	51
Setuju	0	0	20	9	29
Sangat Setuju	0	0	0	4	4
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>17</b>	<b>84</b>	<b>47</b>	<b>150</b>

(Item 7: Membuat pembentangan hasil perbincangan)

Jadual 5: Jadual Silang Komponen Kemahiran Komunikasi Sebelum dan Selepas (Item 22) Mengikut Mod

Kemahiran Komunikasi (Sebelum)	Kemahiran Komunikasi (Selepas)				Jumlah
	2 TS	3 KS	4 S	5 SS	
Sangat Tidak Setuju	1	0	5	1	7
Tidak setuju	2	5	32	20	59
Kurang setuju	0	15	27	16	58
Setuju	0	0	19	4	23
Sangat setuju	0	0	0	3	3
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>20</b>	<b>83</b>	<b>44</b>	<b>150</b>

(Item 22: Mendengar dan menerangkan arahan)

Merujuk dalam Jadual 5, jadual silang bagi item 22 kemahiran komunikasi sebelum dan selepas aktiviti kokurikulum dilihat mempunyai perbezaan yang ketara mengikut nilai mod. Perbezaan nilai mod dilihat terhadap kekerapan skala persetujuan yang dipilih oleh responden. Kajian mendapat kekerapan responden seramai 83 orang menjawab skala bersetuju lebih tinggi setelah menyertai aktiviti kokurikulum berbanding seramai 59 orang responden yang memilih untuk tidak bersetuju terhadap item 22 kemahiran komunikasi sebelum menyertai aktiviti kokurikulum.

## 4 PERBINCANGAN

### 4.1 Penilaian kendiri pelajar terhadap kemahiran kepimpinan sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum badan beruniform.

Hasil kajian menunjukkan keseluruhan pelajar mempunyai persepsi bahawa kemahiran kepimpinan dalam diri mereka dapat ditingkatkan di antara sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum badan beruniform.

Walaubagaimanapun, bagi item 6 “boleh menyesuaikan diri mengikut keadaan” merupakan item yang menunjukkan perubahan terhadap nilai kekerapan yang agak ketara berbanding item lain. Hal ini kerana, nilai kekerapan dilihat tinggi pada skala tidak setuju dan berubah kepada skala bersetuju bagi selepas menyertai aktiviti kokurikulum. Keadaan ini menggambarkan bahawa jika pelajar kurang diberi pendedahan terhadap aktiviti yang memerlukan mereka berinteraksi, sukar bagi mereka untuk menyesuaikan diri dalam sesuatu keadaan.

Pendapat diatas telah dibuktikan berdasarkan kajian oleh Kinnick dan Parton (2005) yang mendapati bahawa kemahiran kepimpinan yang terdapat dalam diri mereka dipengaruhi oleh keupayaan dan kebolehan mereka untuk berinteraksi dan berbincang dengan orang lain. Oleh itu, kebolehan menyesuaikan diri dengan orang lain akan lebih mudah dibentuk sekiranya terdapat aktiviti yang merangsang mereka untuk berinteraksi dengan orang di sekeliling mereka.

#### **4.2 Penilaian kendiri pelajar terhadap kemahiran komunikasi sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum badan beruniform.**

Secara keseluruhannya, elemen kemahiran komunikasi terhadap penglibatan para pelajar dalam aktiviti kokurikulum badan beruniform dapat ditingkatkan di antara sebelum dan selepas menyertai aktiviti tersebut. Daripada keseluruhan item, terdapat dua item kemahiran komunikasi yang dilihat mempunyai peningkatan yang ketara dari segi nilai kekerapan dimana responden memberikan reaksi daripada tidak bersetuju kepada bersetuju bagi sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum.

Item 7 bagi kemahiran komunikasi didapati menunjukkan peningkatan dimana selepas menyertai aktiviti kokurikulum pelajar merasakan bahawa mereka boleh membuat pembentangan hasil perbincangan dalam kumpulan. Selari dengan pendapat Abdul Aziz Yusof (2003) yang menyatakan komunikasi melibatkan penyampaian idea dan perasaan kepada pihak lain. Hal ini menunjukkan komunikasi bukan sahaja melihat dari aspek pertuturan bahasa malahan ia merangkumi perkongsian idea dan pendapat dengan orang lain.

Seterusnya bagi item 22, pelajar merasakan diri mereka berkebolehan untuk menerima dan menerangkan setiap arahan yang diterima selepas menyertai aktiviti kokurikulum. Pengkaji berpendapat bahawa penguasaan kemahiran ini berlaku adalah disebabkan oleh para pelajar yang telah menguasai Bahasa Melayu dengan baik di sekolah. Peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar bagi semua sekolah di Malaysia secara tidak langsung mempengaruhi pelajar untuk menguasai bahasa tersebut. Pendapat ini disokong oleh Mohd Zulkifli (2007) yang menyatakan bahawa majoriti masyarakat di Malaysia mempunyai penguasaan Bahasa Melayu yang baik disamping dengan pertuturan yang fasih.

#### **4.3 Penilaian kendiri terhadap kemahiran bekerja dalam kumpulan sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum badan beruniform.**

Hasil analisis data mendapati kemahiran bekerja dalam kumpulan sebelum dan selepas aktiviti kokurikulum mengalami perubahan dengan corak peningkatan yang sama bagi setiap item yang dikemukakan. Ini dapat dibuktikan apabila pelajar bersetuju bahawa elemen kerjasama yang baik perlu disertai dengan sentiasa bersedia untuk membantu ahli kumpulan, menyelesaikan masalah dan melakukan keputusan secara bersama, menerima idea dan berkongsi idea dalam perbincangan.

Melalui pemerhatian, penyelidik berpendapat keadaan ini mungkin disebabkan oleh interaksi yang berlaku dalam kalangan para pelajar semasa aktiviti kokurikulum dijalankan. Ianya secara tidak langsung mendorong para pelajar untuk bekerjasama antara satu sama lain dalam satu kumpulan. Selain itu, pengkaji merasakan hubungan persahabatan yang sedia ada dalam satu kumpulan menjadikan para pelajar lebih cenderung untuk berkongsi idea atau pendapat untuk menyelesaikan masalah bersama.

Walaubagaimanapun, dapatan laporan penilaian My3S (*Soft Skills Scale*) pelajar-pelajar Universiti Tun Hussien Onn Malaysia 2011, dalam kajian Mohd Akmal (2013) yang

mencatatkan kemahiran kerja berpasukan berada pada tahap rendah iaitu hanya 43.5 peratus pencapaian.

#### **4.4 Penilaian kendiri terhadap kemahiran membuat keputusan sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum badan beruniform.**

Daripada hasil kajian yang dinyatakan pada Bab 4, kemahiran membuat keputusan dapat ditingkatkan selepas menyertai aktiviti kokurikulum. Nilai kekerapan didapati berbeza antara sebelum dan selepas aktiviti kokurikulum namun jumlah peningkatan bagi setiap item adalah sama. Majoriti pelajar memberikan respon bersetuju bagi item kemahiran membuat keputusan selepas menyertai aktiviti kokurikulum dimana mereka merasakan berani dan yakin dalam membuat keputusan, boleh membuat keputusan dalam jangka masa yang ditetapkan serta boleh menyenaraikan dan memilih pilihan untuk membuat keputusan.

Kemahiran membuat keputusan dilihat dapat dibentuk menerusi aktiviti persatuan dan kelab dimana kajian oleh Ahmad, Jailani dan Noraini (2005) membuktikan bahawa pelajar politeknik bukan sahaja boleh bersosialisasi melalui aktiviti tersebut malahan berupaya membangunkan kemahiran generik dalam diri mereka.

#### **4.5 Penilaian kendiri terhadap kemahiran penyelesaian masalah pelajar sebelum dan selepas menyertai aktiviti kokurikulum badan beruniform.**

Dalam aktiviti kokurikulum badan beruniform, pelajar dapat menunjukkan peningkatan terhadap kemahiran penyelesaian masalah selepas menyertai aktiviti kokurikulum. Peningkatan tersebut dilihat berdasarkan respon yang diberikan oleh pelajar dimana majoriti pelajar memilih untuk bersetuju pada selepas dan kurang bersetuju bagi sebelum menyertai aktiviti kokurikulum.

Dapatan adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Ahmad dan Hisham (2009) terhadap peranan kokurikulum di universiti dalam membentuk keterampilan mahasiswa. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar mampu meningkatkan keterampilan diri. Sementara, pengkaji telah mengelaskan keterampilan kepada 4 aspek keterampilan iaitu kemahiran komunikasi, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan dan penampilan diri yang kemas.

#### **4.6 Penilaian kendiri dan maklum balas pelajar**

Dalam kajian ini, para pelajar telah menjalani latihan kawad kaki terlebih dahulu bagi meningkatkan lagi mutu persembahan pada hari sebenar pertunjukan iaitu sempena menyambut ulang tahun sekolah yang ke-100. Proses ini mendorong pelajar mengimbas semula proses pembelajaran dan membuat refleksi terhadap keupayaan mereka sebelum dan selepas menjalani aktiviti kokurikulum. Kenyataan ini telah disokong oleh Paris dan Paris (2001) yang berpendapat bahawa penilaian kendiri adalah berkait rapat dengan hasil refleksi yang diperolehi daripada sesuatu proses pembelajaran.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden terdiri daripada kumpulan umur yang berbeza dimana majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 yang berumur 13 tahun. Melalui penilaian kendiri yang dijalankan kebanyakan pelajar menilai dirinya dengan menunjukkan peningkatan terhadap penguasaan kemahiran generik dalam aktiviti kokurikulum yang mereka sertai. Menurut Bandara (1997), penilaian kendiri dipengaruhi oleh keberkesaan diri (*self-efficacy*) para pelajar. Pelajar yang mempunyai keberkesaan diri (*self-efficacy*) yang tinggi lebih cenderung untuk mengambarkan kejayaan daripada kegagalan. Dalam konteks kajian ini, pelajar telah

mentafsir prestasi diri mereka lebih tinggi dimana mereka yakin terhadap keupayaan untuk menyempurnakan sesuatu tugas dan mencapai matlamat tertentu.

Sementara, tempoh penglibatan pelajar yang lama dalam sesuatu aktiviti badan beruniform menjadikan penguasaan terhadap sesuatu kemahiran dan pengetahuan telah dipupuk terlebih dahulu. Penyelidik berpendapat pelajar lebih cenderung untuk membuat penilaian dan tanggapan tentang diri mereka terhadap penguasaan sesuatu kemahiran berdasarkan pengalaman yang mereka lalui. Kenyataan ini disokong oleh Bandara (1997) yang menyatakan penilaian kendiri yang tinggi adalah hasil daripada pengalaman lalu yang dijadikan sebagai rangsangan untuk menguasai sesuatu kemahiran.

Berbeza pula dengan pendapat Dunning, Heath dan Suls (2004) yang menyatakan pelajar cenderung untuk menilai diri mereka dengan tinggi apabila mereka tahu bahawa penilaian diri mereka akan dibandingkan dengan rakan sebaya. Jika mereka menilai dirinya dengan rendah maka ia secara tidak langsung akan menjelaskan gred mereka. Menurut Ross (2006) pula, kanak-kanak mungkin akan membuat penilaian yang lebih daripada jangkaan kerana mereka lebih terdedah kepada angan-angan dan kurang kemahiran kognitif untuk mengintegrasikan maklumat mengenai kebolehan mereka.

## **RUJUKAN**

- Ab. Aziz Yusuf (2003). *Komunikasi Untuk Pengurus*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Ahmad Esa dan Hisham Jamaludin (2009). *Peranan kurikulum di universiti dalam membentuk keterampilan mahasiswa*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Ahmad Esa, Jailani Md. Yunos dan Noraini Kaprawi (2004). Peranan kurikulum dalam pembangunan kemahiran generik. *Jurnal Sains Sosial*. 2(1), 81-94.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: W. H. Freeman.
- Bath, D., Smith, C., Stein, S., & Swann, R. (2004). Beyond mapping and embedding graduate attributes: Bringing together quality assurance and action learning to create a validated and living curriculum. *Higher Education Research and Development*, 23, 313–328.
- Dunning, D., Heath, C., & Suls, J.M. (2004). Flawed self-assessment: Implications for health, education, and the workplace. *Psychological Science in the Public Interest*. 5(3), 69–106.
- Kinnick, K. N., & Parton, S. R. (2005). Workplace Communication What The Apprentice Teaches About Communication Skills. *Business Communication Quarterly*, 68(4), 429-456.
- Mohd. Akmal Masud (2013). *Pembangunan kemahiran kerja berpasukan menerusi kursus pengurusan kurikulum dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional UTHM*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohamad Ismail Mohamad Yunus (2004). Enhancing Student Character Building and Ethics Development Process Through Co-Curriculum Activities: IIUM Experience. *Kertas Kerja International Conference on Student Development*. 16 – 18 April 2004. Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zulkifli Mohd Ghazali (2007). *Mendepani Cabaran ke Arah Universiti Bertaraf Dunia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustafa Kamal Ali (2000). *Faktor yang mempengaruhi penglibatan Melayu Tingkatan Empat dalam aktiviti kurikulum di rancangan Felda Daerah Segamat Selatan*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.

- NCVER (National Centre for Vocational Education Research) (2003). *Defining Generic Skills*. Adelaide, Australia: NCVER
- Ross, J. A. (2006). The reliability, validity, and utility of self-assessment. *Practical Assessment Research & Evaluation*, 11(10), 1–13.
- Siti Azwanee Abdullah (2010). *Amalan Kemahiran Generik Dalam Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Tahun Empat Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Paris, S. G., & Paris, A. H. (2001). Classroom applications of research on self-regulated learning. *Educational Psychology*. 36(2), 89–101.